




چہاڻي

Cahaya

Pembimbing Remaja Cemerlang



Adab Berhari Raya

ISSN 0128-2239



9 770128 223001

PERCUMA

Seratus Pintu

©leh: Suwaibah Abd Hadi

Pintu rezeki sentiasa terbuka,
mencukupi bila beramal mulia,
zikir istighfar penghulu segala,
hujan, harta, anak-anak, kebun-kebun dan sungai-sungai,
segalanya dikurnia.

Taqwa pada janji Tuhan,
kesedihan menjadi kelapangan,
ketemu jalan keluar sesudah kesempitan,
rezeki tidak disangka-sangka adalah keajaiban.

Bertawakal sebenar-benarnya,
bersandar hanya kepada Dia,
beroleh rezeki umpama beburung terbang,
dalam keadaan lapar di pagi hari mencari makanan,
pulang ke sarang kekenyangan.

Rajin beribadah kunci kekuatan,
dada nekad dengan kesungguhan,
kesenangan kemudahan dari kesulitan,
yakin pada rezeki pemberian Tuhan.

Ikatan sesama insan erat bersaudara,
berat sama dipikul jauhi sengketa,
bersedekah melapangkan rezeki sama merasa,
diganti dengan sebaik ganjarannya.
Hijrah di jalan Allah,
panduan seluruh ummah,
ikhlas beribadah,
sucikan hati dalam bermujahadah.

Betapa syaitan menakutkan manusia dengan kemiskinan,
menyuruh berbuat kejahatan,
sedangkan kurniaan Tuhan,
melimpah tiada bandingan,
rezeki halal dunia tidak kehabisan,
untuk apa memilih yang haram?



DARI MEJA Pengarang



Penaung

Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha
Ketua Pengarah
JAKIM

Penasihat

Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Insan)
JAKIM

Ketua Pengarang

Zainab binti Ab Rahman

Pengarang

Wan Nadzirah binti Wan Mohamad

Penyunting

Baharuddin bin Malek
Nor Hashimah binti Embong
Nor Simah binti Khalim
Siti Kasmah binti Kassim

Pembantu Pengarang

Mohd Nasuha bin Aman@ Ab Rahman

Rekabentuk & Percetakan

Attin Press Sdn. Bhd.

Pengurus Edaran

Mohd Rashidi bin Mohd Jamil

Pembantu Edaran

Erniza binti Mat kassim
Mohd Suhaidil bin Shukri

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Majalah CAHAYA diterbitkan secara online oleh JAKIM bermula tahun 2016. Sidang pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirim selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian JAKIM. Segala sumbangan yang dikirim tidak akan dikembalikan, sama ada disiarkan ataupun tidak. Sidang pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirim melalui pos dan e-mel.

Meraikan 1 Syawal

Setiap tahun umat Islam di seluruh dunia akan menyambut Aidilfitri pada 1 Syawal. Inilah saat ketibaan yang ditunggu oleh semua umat Islam. Menyambut Aidilfitri tersebut perlu menepati syariat Islam yang telah digariskan dengan memperbanyakkan berzikir iaitu bertakbir, bertahmid, bertasbih dan bertahlil seawal bermulanya malam 1 Syawal.

lanya boleh dilakukan sama ada secara berjemaah atau bersendirian di tempat-tempat seperti masjid, surau atau di rumah bersama keluarga. Pada zaman Rasulullah SAW takbir raya berkumandang sehingga ke jalan-jalan, rumah-rumah dan masjid-masjid.

Kita perlu membersihkan dan mengemas diri dengan berniat mandi sunat 1 Syawal dan memakai pakaian terbaik yang ada tanpa melakukan pembaziran. Adalah disunatkan menjamah sedikit makanan sebelum menunaikan solat sunat hari raya. Acara paling kemuncak pada Hari Raya Aidilfitri adalah solat sunat dan mendengar khutbah. Pada hari ini juga, sunat bagi kita umat Islam menyampaikan ucapan tahniah dan selamat serta saling berdoa agar segala amalan sepanjang bulan Ramadhan diterima oleh Allah SWT. Penerusan amalan ini, hendaklah berterusan dilaksanakan pada bulan-bulan lain, yang merupakan salah satu indikator aspek taqwa yang telah berjaya meresap ke dalam jiwa setiap Muslim.

Akhir kata selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua pembaca daripada kami sidang pengarang Majalah Cahaya. Maaf zahir dan batin.

Isi Kandungan

- 2 Sajak: Seratus Pintu
- 3 Dari Meja Pengarang: Meraikan 1 Syawal
- 5 Bicara Cahaya: Adab Berhari Raya
- 8 Career Quest: 'Aidilfitri: Shine Up Your Eid'
- 10 Sesuatu Tentang Kita: Remaja Bijak Jauhi Zina
- 14 Motivasi Diri: Didik Murid dan Remaja Cintakan Agama
- 18 Cahaya Tazkirah: Bersegeralah dalam Bertaubat
- 20 Minda Soleh: Perbanyakkan Sedekah
- 21 Tokoh Silam: Muhammad al-Fatih Sultan Berwibawa
- 24 Tinta Murabbi: Kenali Suasana Aidilfitri
- 27 Cahaya Iman: Mengapa Berlaku Penyelewengan Akidah - Bagaimana Mengenalinya (Siri 2)
- 31 Cerpen: Tersungkur di Tepian Neraka
- 35 Musykil Agama: Hukum Lelaki Memakai Telefon Bimbit Bersadur Emas 24 Karat
- 36 Nilai Murni: Konsep Makanan Halal dalam Islam
- 38 Novel Bersiri: Takdir Merubah segalanya (Siri 1)

Adab Berhari Raya

Oleh: Haslinda Lukman (Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)

Hari Raya Aidilfitri menjelang tiba. Pelbagai persiapan dilakukan untuk menyambutnya. Namun kadangkala dalam bergembira untuk menyediakan persiapan fizikal raya seperti perabot, langsir, baju dan kuih muih, kadangkala kita terlupa berkaitan adab berhari raya. Di sini digariskan adab yang boleh diikuti dalam menyambut hari raya. Selain bergembira kita juga akan mendapat ganjaran pahala apabila kita melaksanakan adab-adab berhari raya mengikut sunnah dan dalam lingkungan syariat Islam.

Sabda Nabi SAW yang bermaksud:
“Setiap kaum ada perayaan, dan ini adalah perayaan kita” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadith ini merujuk kepada dua perayaan hari raya yang khusus bagi orang Islam iaitu Aidilfitri dan Aidiladha. Sebagaimana Anas RA berkata yang bermaksud:

“Nabi SAW datang ke Madinah, orang Madinah biasa mengadakan dua pesta/perayaan. Di kedua-dua perayaan itu mereka ada permainan/pesta. Kata beliau (Nabi SAW bertanya kaum Ansar mengenainya.) Apakah itu dua hari? Mereka menjawab : kami biasa bermain/pesta di masa zaman Jahiliah dahulu lagi. Nabi SAW memberitahu mereka : ‘Sesungguhnya Allah SWT telah menggantikan dua hari tersebut yang mempunyai kebaikan di dalamnya, iaitu Hari Raya Adha dan Hari raya Fitrah.” (Riwayat Abu Daud)

Kedua-dua hari raya ini adalah di antara syiar Allah SWT, di mana kita harus mengambil berat dan memahami objektifnya.

“Hari Raya Aidilfitri adalah hari yang disyariatkan kepada umat Islam menyambutnya sebagai hari bergembira dan bersyukur di atas nikmat yang Allah SWT anugerahkan kepada hamba-Nya yang berjaya melakukan ibadat pada bulan Ramadhan.”



Hari raya wajar disambut dengan gembira, namun kegembiraan itu bukanlah kegembiraan yang boleh mendatangkan kemurkaan daripada Allah SWT seperti leka dengan hiburan yang melalaikan, melewati solat kerana melayan tetamu dan seumpamanya. Oleh itu bagi mendapatkan kesempurnaan sambutan ini, hendaklah mengikut panduan sunnah Rasulullah SAW dalam menyambut hari raya, antaranya ialah:

1. Mandi sunat hari raya sebelum keluar menunaikan solat sunat pada hari raya.
2. Makan sebelum keluar walaupun hanya dengan sebiji tamar. Sebagaimana hadith yang bermaksud:

“Rasulullah saw tidak akan keluar pada pagi Aidilfitri sehingga dia memakan beberapa tamar dan beliau akan makan bilangan ganjil”.
(Riwayat Bukhari)

3. Melakukan solat sunat hari raya: Hukunya ialah sunat mu’akkad mengikut pandangan Mazhab Shafie. Kaum wanita juga boleh menyertai solat tersebut.
4. Bertakbir pada hari raya merupakan sunnah yang terbesar.
5. Zakat Fitrah. Nabi SAW menyuruh membayar zakat fitrah sebelum menunaikan solat sunat hari raya. Adalah harus mengeluarkannya sehari atau dua hari lebih awal. Imam al-Bukhari meriwayatkan yang bermaksud:
“Adalah mereka (sahabat Nabi SAW) mengeluarkan (zakat fitrah) sebelum hari raya sehari atau dua hari.
6. Mengucapkan tahniah dan ucapan yang baik pada hari raya, tidak kira apa bentuk ucapan sekalipun. Misalnya mereka boleh memberi ucapan di antara satu sama lain seperti :
“Taqabbal Allahu minnaa wa minkum” yang bermaksud semoga Allah SWT menerima amalan baik daripada kami dan daripada kamu.
7. Memakai baju yang baik dan cantik untuk berhari raya.
8. Menggunakan jalan yang berlainan apabila pergi dan pulang dari menunaikan solat :
Daripada Jabir RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW menukar jalannya pada hari raya. (Riwayat Bukhari).

Antara hikmah perbuatan ini ialah;

- i. Semoga dua jalan yang berbeza tersebut menjadi saksi di hadapan Allah SWT pada hari kiamat nanti. Bumi akan membicarakan pada hari kiamat apa yang dilakukan di atasnya daripada perkara-perkara yang baik dan jahat.
- ii. Untuk menzahirkan syiar Islam.
- iii. Untuk menzahirkan zikir kepada Allah SWT.

- iv. Untuk mengambil tahu keperluan orang yang memerlukan bantuan atau untuk menziarahi sanak saudara dan menghubungkan silaturrahim.
- 9. Bersederhana dalam makan dan minum serta jangan membazir.
- 10. Saling bermaafan dan berkasih sayang dengan saling ziarah menziarahi. Namun

ketika saling bermaafan dan bersalaman haruslah menjaga batas kerana dikhuatiri berlaku sentuhan haram.

- 11. Menjaga pergaulan dan percampuran antara lelaki dan wanita yang bukan mahram.

Semoga Aidilfitri kita pada tahun ini dipenuhi dengan keberkatan dan kasih sayang daripada Allah SWT.



Shine Up Your Eid

Oleh: **Fatin Nuraliah Nadira Bujang [Mahasiswi Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)]**

TTrue definition of eid is celebrating it in line with syari'ah. Who says that being pious is bland? In fact, fasting on the 1st of Syawal is forbidden because the day is meant to be a celebration day. A colorful victorious day.

But, how?

In depth, Muslims are taught to understand true happiness and joy, in which it is syari'ah compliant that is also lodged to the afterlife. Preparation is indeed cardinal. And being joyful during eid is another stage of preparation to afterlife. By understanding the prior month which is Ramadhan, then our Syawal will be delightful. Set an intention, that this Ramadhan is going to be better than last year's Ramadhan, as if this is the last chance. The Finale'.

Date with God. Call Him in every formidable sound of empty stomach, walk fast to masjid for tarawih like running towards Him every night. He is always waiting with open arms. The nights of Ramadhan becomes more beautiful if we constantly recite the Qur'an. Yet, there is nothing better than the readings lead to discussion since seeking knowledge is an obligation upon every Muslim (at-Tirmizi). Well, that is such a blissful Ramadhan when we finally have boosted up our 'ibadah and knowledge. So, is there any better thing than spiritually upgrading oneself?

These are some deeds that can guarantee the happiness during Syawal. Eid is meaningful with great preparations.

Then, how is it possible?

Some of us might be looking for the logic behind what mentioned above. Shining up eid is more than stunning appearance with radiance new cloth and glittery

A sweet closing of Ramadhan is a valuable ticket to celebrate eid the right way. Prepare to masjid, listen to khutbah, and perform eid prayer, sharing foods and drinks, meet relatives and neighbors without leaving Islamic adab behind.

accessories. It is about how your inner self (akhlak) sparkles on the 1st of Syawal. It is about how you start that blessing month with takbir following maghrib prayer. A sweet closing of Ramadhan is a valuable ticket to celebrate eid the right way. Prepare to masjid, listen to khutbah, and perform eid prayer, sharing foods and drinks, meet relatives and neighbours without leaving Islamic adab behind. This is the time to spread the right Islamic way of practise among Muslims. This is not fad, fashion, or even trend. This is the evergreen culture that crosses time, the passage of getting close enough to Allah SWT during the festive day. On the other hand, don't we think it is barely awkward for being un-Islamic during Islamic festive days? Why do we have to feel embarrassed when Islam is a matured religion that had grown over decades? Well, we couldn't agree more on this fact as mentioned by SMN al-Attas in his Prolegomena (2001).

More than that, eid is like a trophy. A shining trophy. It is achievable by anyone who struggles and sacrifices. In fact, missing the gist of Ramadhan is like missing the stairs upon reaching the trophy. And

once it is in hand, we can hardly let it go no matter how heavy the trophy is. We will definitely wipe the trophy to make it shine at all times and not to forget placing it in a custom display cabinet specially designed for the trophy.

Moreover, the greatest blessing for a muslim is religious understanding. Syawal with pure victory encourages a muslim to keep on track of Islamic way of life. Pin out this, then by His mercy (keep on praying for guidance) our faith and love towards God grow bigger and stronger. The need of achieving a perfect Islamic compliant eid is seen from its retaliation to our own soul. Treating eid like a trophy takes time and determination that nurtures our soul to get used to it. We pray on time, we lengthen our wirid (prayer after solat), consistency in reciting the Qur'an and practicing its message are some good deeds that can be rooted inside us, and eventually we become intrinsically religious.

So, hopefully we already get the view of Aidilfitri, the eid of Syawal in the right way. Indeed, every Islamic months from Muharram to Zulhijjah are retaliation of previous month and that endures every year. And to the extent of Syawal, it becomes a shining eid if we make preparation and turn it into a motivation to improve ourselves as Muslims.

Remaja Bijak jauhi Zina

Oleh: **Haslinda Lukman (Penolong Pengarah Kanan JAKIM)**

Berzina adalah merujuk kepada perbuatan melakukan hubungan seks secara sukarela tanpa bernikah. Ianya merupakan isu keruntuhan akhlak dan moral yang sedang berlaku di negara ini. Berzina merupakan perbuatan jenayah yang amat besar dosa dan berat hukumannya di sisi Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat."* (al-Isra': 32).

Berdasarkan ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT bukan sahaja mengharamkan berzina bahkan melarang manusia daripada menghampirinya.

Implikasi Zina

Pengharaman berzina adalah untuk menjamin keturunan yang baik. Kesan daripada perbuatan ini boleh mempengaruhi perkahwinan dan hubungan kekeluargaan. Berzina akan mengakibatkan berlaku percampuran nasab. Anak yang lahir hasil daripada perbuatan ini sukar untuk ditentukan nasab keturunannya (Mohd Syamil&Adriana Balqis.2010). Di samping itu ia juga akan mengakibatkan kelahiran keturunan yang tidak terjaga. Lazimnya mereka yang melakukan zina akan mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak yang lahir daripada perbuatan tersebut.

Islam menyifatkan perbuatan berzina ini sebagai penggugat kehidupan masyarakat dan kesejahteraan ummah. Ia merupakan musuh ketat kepada institusi kekeluargaan yang mana keluarga adalah punca dan asas kepada jatuh dan bangun sesebuah negara. Membenarkan perbuatan zina atau membiarkan masyarakat terus melakukan

perbuatan yang membawa kepada zina boleh menyebarkan kejahatan dan keburukan dalam kalangan masyarakat yang akan menghancurkan institusi kekeluargaan dan negara.

Pengharaman berzina adalah untuk menjamin keturunan yang baik. Kesan daripada perbuatan ini boleh mempengaruhi perkahwinan dan hubungan kekeluargaan.

Hasil perbuatan zina akan menyebabkan berlaku kehamilan di luar nikah. Bagi menutup aib, akan berlaku pembuangan bayi. Membuang bayi adalah cara yang paling mudah dilakukan oleh pasangan yang melakukan penzinaan dan hamil luar nikah. Statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan antara tahun 2000 - 2009, seramai 173,047 orang wanita beragama Islam telah melahirkan anak tak sah taraf. Laporan rasmi Jabatan Pendaftaran Negara, semenjak tahun 2008 hingga 2012, terdapat lebih 167,073 bayi yang direkodkan kelahirannya tanpa bapa telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara. Secara purata 33,415 kes direkodkan dalam tempoh setahun, 2,784 kes dalam tempoh sebulan dan 93 kes dalam tempoh sehari. Jika diunjurkan, terdapat 4 kes telah berlaku dalam tempoh 1 jam. Statistik atau fakta yang dipaparkan ini sebenarnya lebih tinggi daripada yang sedia ada, sekiranya mengambil kira kes-kes yang melibatkan pengguguran haram dan pembuangan bayi yang dipaparkan di media dan tidak direkodkan. (JPN, 2013). Islam mengharamkan perbuatan membuang bayi yang dikaitkan dengan pembunuhan bayi masih bernyawa. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:



“ Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal dia di dalamnya dan Allah murka kepadanya dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar “ (an-Nisa': 93).

Sejarah hitam dalam tamadun manusia disebabkan ketiadaan aqidah dalam kehidupan menyebabkan berlakunya perbuatan membunuh bayi. Masyarakat ketika itu hilang sifat kemanusiaan sehingga sanggup membunuh dengan menanam bayi perempuan hidup-hidup kononnya mempertahankan maruah diri, keluarga dan kabilah. Amalan jahiliah tersebut kini berulang lagi malah lebih dahsyat di mana sesetengah bayi dibuang di merata-rata tempat kerana malu kepada masyarakat. Hasil kajian yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati lokasi yang paling popular untuk pembuangan bayi adalah kawasan perumahan diikuti dengan tempat pembuangan sampah, masjid, tepi jalan, dalam tandas, sungai dan semak (Data Maklumat keluarga, sosial JAKIM).

Hubungan seks bebas atau berzina boleh membawa kepada beberapa penyakit kelamin yang boleh membawa maut atau melemahkan diri seseorang. Ini akan memberi kesan yang buruk kepada pekerjaan dan ekonomi keluarga. Akibatnya ia bukan sahaja akan menjejaskan keluarga malah juga masyarakat. Antara penyakit kelamin yang telah dikenalpasti akibat daripada perbuatan zina ialah siplis, AIDS dan syankroid. (Abdullah Naseh Ulwan 2003). Penyakit ini tersebar ke seluruh dunia dalam jumlah yang besar dan berbahaya. Bakteria-bakteria Siplis yang sampai ke dalam darah sesudah menembusi kulit dalam masa beberapa saat akan tersebar ke seluruh badan dalam masa seminggu sahaja (Mohd Syamil & Adriana Balqis.2010).

Masalah HIV/AIDS sinonim dengan krisis akhlak yang berlaku di negara ini. Ia mempunyai hubung kait dengan masalah penyalahgunaan dadah dan pengamalan seks bebas (berzina). Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2013), menunjukkan antara faktor penyumbang paling besar meningkatkan penularan HIV/AIDS adalah disebabkan seks bebas (homoseksual). Menurut laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (Manual Sukarelawan Islam. 2013) kes pertama HIV/AIDS melibatkan 3 orang pesakit telah mula dikesan di Malaysia pada tahun 1986. Bagaimana pun jumlah tersebut

telah meningkat kepada 3,438 orang pada akhir tahun 2012 dan tahun 2013 jumlah tersebut bertambah kepada 82,758 orang.

Berzina adalah satu perbuatan keji dan wajib di jauhi. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)". (al-Isra':32)

Perkara ini juga disokong oleh Ibn Kathir dalam tafsirannya iaitu ditafsirkan dengan kenyataan bahawa Allah SWT melarang hamba-hamba-Nya dari perbuatan zina dan larangan mendekatinya serta perkara yang boleh mendorong berlakunya zina". (Tafsir Ibn Katsir, 5/55).

Imam At-Tabari menafsirkan kalimah ayat al-Qur'an (*"Dan zina merupakan seburuk-buruk jalan, kerana ia adalah jalannya orang-orang yang suka bermaksiat kepada Allah dan melanggar perintah-Nya. Maka jadilah ia seburuk-buruk jalan yang menyeret pelakunya ke dalam neraka Jahannam."*) (Tafsir At-Tabari, 17/438).

Pengharaman berzina bukan setakat perbuatannya, bahkan perilaku yang berupa mukaddimah kepadanya juga haram seperti berkhawat. Ia merupakan lanjutan daripada pergaulan bebas dan percampuran lelaki dan perempuan tanpa tujuan yang baik. kebiasaannya perbuatan ini akan mendorong kepada berzina dan bersekedudukan. Larangan ini dijelaskan melalui hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Jangan kamu bersunyi-sunyian di antara lelaki dan perempuan melainkan dengan orang yang mahram dan kamu juga dilarang daripada keluar masuk rumah seorang perempuan yang ketiadaan suaminya" (Riwayat Bukhari).



Hadith ini menjelaskan tentang larangan duduk berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan kerana syaitan adalah yang ketiga bagi mereka berdua. Ia adalah makhluk Allah SWT yang telah bersumpah untuk menggoda keturunan Nabi Adam AS supaya melakukan kejahatan dan mengikut jalan yang salah.

Berkhalwat dan pergaulan bebas merupakan perbuatan yang diharamkan dalam Islam. Ia adalah salah satu perbuatan yang boleh mendorong ke arah melakukan maksiat lebih besar iaitu berzina. Kesan daripada perbuatan tersebut juga, boleh merosakkan keharmonian dan perpaduan masyarakat. Pengharaman perbuatan ini dikuatkan lagi dengan kaedah fiqh iaitu; Menurut prinsip yang digunakan dalam kaedah fiqh ini, apa sahaja yang membawa kepada haram ia adalah haram (al-Qardhawi 1980). Hukum berzina adalah haram, justeru apa sahaja yang membawa ke arah melakukan perbuatan tersebut dalam mana-mana kes khalwat dan perbuatan tidak sopan ia adalah haram.

Didik Murid dan Remaja Cintakan Agama

Oleh: DR AMINUDIN MANSOR (Pengamal media, Phd Persuratan Melayu UKM)

Peranan guru sangat penting dalam mendidik murid untuk mencintai agama dan mengikut suruhan-Nya. Secara umumnya, perasaan cinta adalah datang dari hati dan jiwa. Kita selalu mendengar kata-kata, setiap kebaikan adalah untuk agama, bangsa dan negara. Jelaslah cinta kepada agama mendahului segala cinta yang lain. Cinta kepada agama bermaksud melakukan segala perbuatan dan amalan mengikut suruhan agama dan menjauhi larangan apa yang ditegah oleh agama.

Agama dapat difahami sebagai kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya. Sebagai contoh kepercayaan pada Yang Maha Kuasa, iaitu melalui kepercayaan agama Islam. Mengikut dan melaksanakan sunnah Rasul-Nya iaitu Nabi Muhammad SAW. Dalam mata pelajaran Pendidikan Moral tajuk yang pertama adalah Kepercayaan Kepada Tuhan yang menjurus murid cintakan agama.

Manusia wajib mempelajari agama. Al-Qur'an menyuruh umat Islam mempelajari segala ilmu pengetahuan yang dituntut oleh agama, agar mereka tidak tergolong orang yang jahil, buta huruf dan sesat dalam kehidupan di dunia ini. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Al-Qur’an ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), - Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”.
(Sad:29).

Rasa cinta dan keimanan yang mendalam mestilah datangnya dari hati dan jiwa terhadap kepercayaan beragama. Islam menyuruh umat-Nya memahami seruan dan peringatan Allah SWT, ketinggian al-Qur'an, perihal nabi-nabi dan rasul-rasul-Nya dan mengikut perintah berpegang kepada ad-din-Nya.

Berkaitan kepercayaan kepada Tuhan setiap manusia yang dilahirkan ke dunia ini mesti mempunyai keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan-Nya berlandaskan pegangan agama masing-masing. Setiap agama menuntut penganutnya mengamalkan perbuatan yang baik dan meninggalkan

“Al-Qur’an menyuruh umat Islam mempelajari segala ilmu pengetahuan yang dituntut oleh agama, agar mereka tidak tergolong orang yang jahil, buta huruf dan sesat dalam kehidupan di dunia ini.”

segala perbuatan yang ditegah. Amalan yang baik akan mendapat balasan yang baik. Begitu juga amalan yang baik akan mendapat pahala dan membawa manfaat kepada diri dan juga orang lain.

Dalam hal ini, tokoh ilmuwan Islam Muhammad Ali Mawardi menyatakan bahawa, nafsu yang dibekali oleh Allah SWT dalam diri manusia ini perlu kepada pengarahannya melalui didikan dan latihan yang berterusan serta bersungguh-sungguh. Apatah lagi jika kita mahu nafsu itu menjadi terpuji, tidak lepas daripada mendidiknya dan membersihkannya. Melalui cinta kepada agama segala-galanya dapat dididik dengan baik dan sempurna.

Tanpa didikan agama, seseorang itu tiada melarang akan perbuatannya terutama perbuatan jahat yang boleh membawa keburukan kepada dirinya dan juga manusia lain. Mereka tidak takut kepada Allah SWT dan sering melakukan maksiat dalam kehidupan hariannya. Pelbagai gejala buruk dan gejala sosial seperti seks bebas, mengambil minuman keras, berjudi, rasuah, terlibat dengan

penyalahgunaan dadah dan sebagainya dilakukan tanpa rasa takut kepada Allah SWT.

Justeru, melalui pendidikan agama seseorang akan dapat mempelajari tentang kebaikan dan keburukan. Melalui pelajaran khususnya belajar tentang agama akan dapat memberikan cahaya ke arah kebenaran dalam hidup. Al-Qur’an juga telah menganjurkan kepada manusia untuk mempelajari dan memahami segala ilmu yang ada di dalamnya berkaitan dengan akhlak dan adab yang mulia.

Ibn Qayyim al-Jauziyah menyatakan, agama itu ada dua, iaitu; Pertama: Agama yang ada di dunia iaitu agama sebagai peraturan mengatur kehidupan manusia.

Kedua: Agama yang ada di akhirat iaitu agama yang menghitung amal perbuatan manusia. Sama ada amal buruk mahupun amal kebajikan dan agama yang mengatur pembalasan amal manusia. Kedua-dua agama tersebut hanya untuk Allah SWT semata-mata. Apa yang jelas, semua agama untuk Allah SWT dan agama itulah yang menyuruh dan membalas terhadap semua manusia.

Apa yang jelas, rasa cinta itu bersumber dari dua sumber agama yang tersebut di atas. Segala yang disyariatkan dan diperintahkan Allah SWT adalah yang dicintai-Nya dan diredai-Nya, sebaliknya sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT adalah dibenci-Nya dan dimurkai-Nya kerana hal itu bertentangan dengan sesuatu yang diredai-Nya. Ertinya dua perkara tersebut tidak mungkin bertemu, antara yang diredai-Nya tidak akan dibenci-Nya dan yang dibenci-Nya tidak akan diredai-Nya.

Dalam hal ini, Muhammad Iqbal pernah menyatakan, agama adalah kekuatan yang paling penting dalam kehidupan individu dan negara. Agama bukan sekadar fikiran ataupun perasaan mahupun perbuatan, tetapi ia adalah pengungkapan hidup sebagai keseluruhan.

Beberapa tokoh Barat juga percaya tentang kebaikan beragama. Antaranya Pascal menyatakan, agama itu tidak mungkin diyakini oleh manusia sekiranya hanya daripada sumber akal sahaja. Akan tetapi perlu kepada sumber yang timbul daripada perasaan dan keinsafan hati serta petunjuk Illahi. Sementara, M.Rowe menyatakan, agama itu berdasarkan iman, sedangkan ilmu pengetahuan tidak; kedua-dua hal ini hanya dapat berpadu dalam jiwa ahli ilmuwan yang beriman. Manakala, W.Shmidt menyatakan, agama manusia yang pertama adalah bertuhan satu dan berdasarkan wahyu.

Begitulah pendapat dan pandangan mereka tentang agama yang menyatakan agama mesti timbul daripada perasaan dan hati yang beriman. Untuk mendalami ilmu seseorang itu mestilah dengan ilmu. Seperti kata Mukti Ali, dengan ilmu hidup jadi mudah, dengan seni hidup jadi indah dan dengan agama hidup jadi bererti.

Imam Abu Hanifah menjelaskan, seseorang yang berbicara berkaitan agama dan tidak berfikir yang dia dinilai dengan apa yang dikatakannya, sesungguhnya dia tidak tahu apa erti agama dan hati nuraninya sendiri.

Melalui pendidikan, khususnya pendidikan agama, hati dan jiwa akan dapat menerima hidayah Allah. Aspek-aspek pendidikan agama menurut al-Qur'an meliputi pendidikan tauhid, ibadah, keimanan, akal, akhlak, jasmani, keterampilan dan kemasyarakatan yang dapat membangunkan ummah.

Pendidikan agama khususnya berkaitan dengan al-Qur'an dan pendidikan ibadah dapat dipelajari melalui ibu bapa, sekolah agama, masjid, sekolah pondok, madrasah, bimbingan masyarakat dan sekolah-sekolah yang disediakan oleh pihak kerajaan. Tujuan pendidikan agama adalah untuk mencari kebenaran dan mendapat keredaan daripada-Nya.

Melalui penerapan nilai-nilai agama akan dapat mengawal tingkah laku manusia daripada melakukan keburukan dan

kezaliman terhadap orang lain. Pemahaman terhadap nilai agama merupakan asas kehidupan seharian yang perlu diasuh dan dididik sejak kecil lagi yang dapat menghindar gejala sosial menyusuk masuk ke dalam hati dan jiwa anak-anak.

Matlamat hidup adalah untuk mendapat rahmat-Nya iaitu dengan meninggalkan apa yang ditegah dan melaksanakan setiap apa yang disuruh-Nya. Ajaran Islam sebagai ad-din meliputi Islam, iman dan ihsan. Pelaksanaan ketiga-tiga bidang ini termasuklah dalam perkara yang melibatkan

“

Pendidikan agama khususnya berkaitan dengan al-Qur'an dan pendidikan ibadah dapat dipelajari melalui ibu bapa, sekolah agama, masjid, sekolah pondok, madrasah, bimbingan masyarakat dan sekolah-sekolah yang disediakan oleh pihak kerajaan. Tujuan pendidikan agama adalah untuk mencari kebenaran dan mendapat keredaan daripada-Nya

”

ibadat. Cinta kepada Allah SWT merupakan tahap ibadat yang tinggi dan agung. Melalui rasa cinta dari hati dan jiwa membolehkan seseorang itu melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Jika diteliti dan diperhatikan kejadian seperti tanah runtuh, gempa bumi, kejadian banjir dan sebagainya merupakan salah satu balasan Allah SWT akibat daripada perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab kepada alam. Manusia dilantik sebagai khalifah mestilah menguruskan alam ini dengan sebaik-baiknya untuk generasi seterusnya.

Sesungguhnya, agama dapat melindungi manusia daripada melakukan kemungkaran kepada Allah SWT. Selain dapat menjernihkan hati dan mendidik nafsu, memberi cahaya kepada keindahan budi, menanamkan sifat malu, meningkatkan kesabaran dan ketakwaan dalam menghadapi dugaan dan ujian Allah SWT, menjaga kehormatan dan mendidik jiwa dengan adab-adab yang murni dan luhur dalam kehidupan di dunia dan mendapat balasan di akhirat.



Bersegeralah dalam Bertaubat

Oleh: Fahimah Haji Ali Hassan(Guru)

Sebagai manusia kita seringkali tewas dalam menahan godaan hawa nafsu dan bisikan syaitan yang telah berjanji di hadapan Allah SWT untuk menyesatkan manusia sehinggalah hari kiamat. Lantaran itu, amat membimbangkan jika kita boleh dikatakan bukan hanya terkena percikan dosa, bahkan mungkin saban hari bermandi dosa yang tidak mampu dihitungkan, nauzubillah.

Justeru menyedari akan perkara ini, maka kita yang bernama insan hendaklah sedaya upaya memperbanyakkan istighfar dan sentiasa melakukan taubat kepada Allah SWT. Pastinya, taubat yang dilakukan dengan betul akan diterima Allah SWT. Sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

" Dan Dialah Tuhan yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya (yang bertaubat) serta memaafkan kejahatan-kejahatan (yang mereka lakukan); dan Ia mengetahui akan apa yang kamu semua kerjakan ".
(asy-Syura :25).

Firman-Nya lagi yang bermaksud: *"Yang Mengampunkan dosa dan yang Menerima taubat; Yang Berat azabNya; yang Melimpah-limpah kurnia-Nya; tiada Tuhan melainkan Dia; kepada-Nyalah tempat kembali".* (al-Mu'min (Ghaafir): 3)

Hakikat Taubat

Menurut Imam al-Ghazali, taubat mesti mencakupi tiga perkara yang berturutan iaitu ilmu pengetahuan, hal dan perbuatan. Perbuatan tidak akan mendahului hal. Begitu juga hal tidak akan mendahului ilmu pengetahuan kerana ilmu pengetahuan iaitu keimanan dan keyakinan ini merupakan muqaddimah kepada langkah untuk bertaubat. Tanpa ilmu pengetahuan, rasa penyesalan dan keazaman untuk meninggalkan maksiat atau dosa tidak akan lahir dalam hati.

"Dan sesiapa yang bertaubat serta beramal salih, maka sesungguhnya (dengan itu) ia bertaubat kepada Tuhannya dengan sebenar-benar taubat". (al-Furqaan :71)

Imam Nawawi meletakkan tiga syarat taubat nasuha iaitu dosa yang berkait dengan Allah SWT. Pertama: Hendaklah meninggalkan dosa tersebut. Kedua: Menyesali dalam diri akan dosa yang dilakukannya dan Ketiga: Berazam untuk tidak mengulangi lagi maksiat



itu selamanya. Manakala dosa kepada manusia lain, ditambah satu lagi syarat bersama tiga syarat di atas iaitu dengan mengembalikan hak tuannya samada harta, maruah dan seumpamanya.

Hukum Bertaubat

Wajib bertaubat bukan sahaja dituntut ke atas setiap insan pendosa baik dosa kecil ataupun dosa besar. Malah tuntutan bertaubat ke atas dosa besar itu adalah lebih berat lagi. Tetapi kewajipan bertaubat itu meliputi juga ke atas semua manusia. Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

**“...Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang yang beriman supaya kamu berjaya.”
(an-Nur: 31)**

Perintah bertaubat dalam ayat di atas adalah dalam bentuk umum. Firman Allah SWT dalam ayat lain yang bermaksud:

**“Wahai orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha...”
(at-Tahrim :8)**

Berdasarkan ayat tersebut di atas, dapat kita fahami bahawa suruhan untuk bertaubat juga meliputi ke atas insan yang tidak melakukan dosa. Golongan yang tidak berdosa ini yang disebut sebagai insan luar biasa sangat kecil bilangannya. Sudah pasti Rasulullah SAW tergolong dalam golongan luar biasa ini, sepatutnya dijadikan qudwah hasanah dalam melakukan taubat dan memperbanyakkan istighfar. Walaupun Baginda SAW memang sedia kita maklum adalah insan yang maksum tetapi Rasulullah SAW sentiasa bertaubat kepada Allah SWT dan memperbanyakkan istighfar semasa hidupnya.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Demi Allah. Sungguh aku selalu beristighfar dan bertaubat kepada Allah dalam sehari lebih dari 70 kali.”
(Riwayat Bukhari).*

Dalam satu riwayat yang lain, Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

“Wahai manusia bertaubatlah kamu kepada Allah! Sesungguhnya aku bertaubat kepada Allah sebanyak 100 kali dalam sehari”. (Riwayat Muslim).

Usahlah bertanggung untuk melakukan taubat. Malah Allah SWT memerintahkan kepada manusia yang melakukan dosa wajib untuk melakukan taubat dengan segera. Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumuddin* menyatakan bahawa taubat wajib dilakukan dengan segera dan kewajipan itu meliputi semua orang dan keadaan.

Sangat malang jika saat kita bertaubat itu, pintu taubat sudah pun tertutup dan taubat kita tertolak di sisi Allah SWT. Berdasarkan al-Qur’an dan hadith, terdapat dua keadaan di mana ketika itu taubat kita sudah tidak diterima oleh Allah SWT. Pertama; ketika matahari sudah terbit dari sebelah Barat iaitu tanda bahawa hari kiamat sudah terlalu hampir. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang bertaubat sebelum matahari terbit dari sebelah Barat (tanda hari kiamat), maka Allah menerima taubat dan mengampuninya.” (Riwayat Muslim).

Kedua: Apabila nyawa sudah berada di kerongkong. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah Azza Wajalla menerima taubat seseorang hambanya selagi nyawanya belum sampai di kerongkong”. (Riwayat at-Tirmizi).

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tidak ada gunanya taubat itu kepada orang-orang yang selalu melakukan kejahatan, hingga apabila salah seorang dari mereka hampir mati, berkatalah ia: “Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini,” (sedang taubatnya itu sudah terlambat),...” (an-Nisaa’ : 18).

Oleh itu, bersegeralah kita bertaubat kerana kita tidak mengetahui bila akan berlaku hari kiamat dan bila masa ajal akan datang menjemput kita. Kesimpulannya, kewajipan bertaubat meliputi semua manusia dan keadaan. Semoga taubat kita diterima di sisi Allah SWT.

Perbanyakkan Sedekah



Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

“Tangan di atas (memberi dan menolong) lebih baik daripada tangan di bawah (meminta-minta), mulailah orang yang menjadi tanggunganmu (keluarga dan lain-lain) dan sebaik-baik sedekah adalah yang di keluarkan dari kelebihan kekayaan (yang di perlukan oleh keluarga)”.
(Riwayat Bukhari dan Ahmad)

Muhammad al-Fatih

SULTAN Berwibawa

Oleh : Suri Nor Erza Saidin (Mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM))

Jika ditanya, di manakah tempat yang akan menjadi pilihan kita untuk dijelajahi? Tidak lain tidak bukan yang berlegar-legar dalam kotak fikiran kita adalah London, Amerika Syarikat, Korea dan lain-lain. Walau bagaimanapun, keadaan sedemikian amatlah berbeza dengan keadaan masyarakat zaman dahulu. Sebagaimana kita tidak ketahui, kota yang akan menjadi perhatian masyarakat terdahulu adalah dua kota yang termasyhur iaitu Kota Rom dan Konstantinopel. Konstantinopel merupakan nama lama bagi Istanbul. Istanbul yang terletak di Turki ini, kadangkala turut menjadi destinasi tumpuan dewasa kini. Tetapi tahukah kita sejarah di sebalik kota yang megah itu?

Konstantinopel merupakan ibu Kota Romawi. Bandar ini tercatat dalam tinta emas Sejarah Islam khususnya pada masa Kesultanan Uthmaniah, ketika meluaskan wilayah sekaligus melebarkan pengaruh Islam di beberapa negara ketika itu. Apabila menyebut tentang Konstantinopel yang kuat lagi teguh, tidak asing lagi dengan nama seorang pemuda bernama Muhammad al-Fatih yang berjaya menakluki kota tersebut. Ramai sultan bercita-cita hendak menaklukinya, tetapi ia berjaya ditakluki oleh Sultan Muhammad al-Fatih sendiri, iaitu anak kepada Sultan Murad II yang juga ingin menakluki Konstantinopel tersebut. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Konstantinopel akan jatuh ke tangan seorang lelaki. Pemimpin yang menaklukannya adalah sebaik-baiknya pemimpin dan pasukan yang berada di bawah komandonya adalah sebaik-baiknya pasukan”.
(Riwayat Ahmad)

Hadith tersebut telah membakar semangat tokoh-tokoh untuk menakluki kota Konstantinopel yang terkenal dengan keutuhan tembok berlapisnya. Dari semasa ke semasa, ada sahaja pemuda yang bersungguh-sungguh ingin menakluki kota tersebut. Ini berlaku sehingga 800 tahun kemudian. Pelbagai kempen dan strategi dilakukan untuk menakluki kota tersebut tetapi masih gagal juga.



Dengan keizinan Allah SWT, kata-kata Rasulullah SAW itu dibuktikan oleh Sultan Muhammad al-Fatih apabila telah berjaya menakluki Konstantinopel ketika berusia 21 tahun. Ketika beliau berumur 12 tahun, telah diberikan amanah untuk memegang jawatan sebagai daulah Islam oleh bapanya selama 3 tahun dan berjalan dengan baik. Pada usia 19 tahun beliau telah menyandar jawatan khalifah yang ke-7 secara rasminya.

Sultan Muhammad al-Fatih atau dikenali juga sebagai Sultan Muhammad II atau 'Muhammad The Conqueror' yang dilahirkan pada bulan Mac 1432 Masihi di Adrianapolis (sempadan Turki – Bulgaria). Beliau meninggal dunia pada 3 Mei 1481 Masihi ketika berumur 49 tahun. Sehubungan dengan itu, pemuda ini merupakan seorang tokoh pejuang Islam termuda dan juga dalam kalangan pemerintah yang hebat selain daripada beberapa orang lagi dalam kelompok yang sama seperti Sultan Salahuddin al-Ayyubi iaitu penyelamat Jerusalem dan Sultan Saifuddin Muzaffar al-Qutuz iaitu penghancur Mongol.

Beliau mendapat gelaran 'al-Fatih' itu sempena daripada peristiwa kejayaannya dalam pembukaan dan penaklukan Konstantinopel dan ditukarkan nama sebagai 'Islambol' yang bermaksud 'Islam keseluruhannya'. Tetapi selepas itu 'Islambol' ditukar kepada Istanbul oleh Mustafa Kamal Attaturk.

Sultan Muhammad al-Fatih mempunyai keperibadian yang hebat. Beliau memiliki pelbagai kepakaran dalam bidang ketenteraan, sains, matematik dan termasuklah juga mampu menguasai tujuh bahasa iaitu Bahasa Arab, Latin, Greek, Serbia, Turki, Parsi dan Hebrew. Dalam ilmu peperangan pula, diajar tentang taktik dan teknik peperangan, memanah dan menunggang kuda oleh panglima-panglima tentera semenjak daripada zaman kanak-kanak.

Sultan Muhammad al-Fatih merupakan seorang yang berjiwa rakyat dan merendah diri kerana tidak menghiraukan pangkat dan darjat yang dimilikinya. Beliau pernah turut serta menjadi buruh binaan bersama-sama pengikutnya yang lain. Semasa membina Benteng Rumeli Hissari, beliau membuka baju dan serbannya lalu mengangkat batu dan pasir sehingga ulama'-ulama' serta menteri-menteri turut sama melakukannya.

Justeru di samping melaksanakan solat fardhu, beliau juga tidak pernah meninggalkan solat sunat rawatib dan sunat tahajjud semenjak baligh sehinggalah saat kematiannya. Inilah sebenarnya rahsia dan kekuatan seorang pemimpin berwibawa yang berjaya menjaga hubungannya dengan manusia dan yang paling mulia sekali adalah hubungannya terhadap yang Maha Pencipta iaitu Allah SWT.

Baginda mendapat gelaran 'al-Fatih' itu sempena daripada peristiwa kejayaannya dalam pembukaan dan penaklukan Konstantinopel dan ditukarkan nama sebagai 'Islambol' yang bermaksud 'Islam keseluruhannya'. Tetapi selepas itu 'Islambol' ditukar kepada Istanbul oleh Mustafa Kamal Attarturk.

Semasa Sultan Muhammad al-Fatih menaiki takhta, dia segera menemui Syeikh Semsettin menyiapkan bala tentera untuk melakukan penaklukan ke atas Kota Konstantinopel. Semangat juang yang mengalir di dalam diri Sultan Muhammad al-Fatih ini juga telah berjaya membakar semangat angkatan tenteranya untuk menakluki kota tersebut, yang gagal ditakluki oleh pemimpin-pemimpin sebelumnya.

Sehubungan dengan itu, kepintaran beliau dapat dilihat ketika mengatur strategi dalam peperangan dan turut diperakui oleh sejarawan barat setelah melihat kehebatan Sultan Muhammad di medan peperangan. Walaupun masih muda, tetapi dengan semangat juang yang tinggi ada di dalam dirinya serta ciri-ciri pemimpin yang mengalir di dalam tubuhnya sehingga berjaya menakluki Kota Konstantinopel.



KENALI SUASANA AIDILFITRI

Oleh: Suri Nor Erza Saidin (Mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM))

Sebut sahaja Hari Raya Aidilfitri, semua akan terbayang kemeriahannya. Adik-beradik yang jauh akan pulang ke desa untuk berkumpul bersama keluarga tercinta. Ia juga diibaratkan satu perhimpunan sesebuah keluarga. Suasana pada hari itu tidak dapat digambarkan keseronokannya. Diwarnai pula warna-warni baju-baju baru dan kepelbagaian makanan yang terhidang di atas meja. Kedengaran juga riuhan suara-suara orang yang berkunjung tiba. Suasana ini menyebabkan tiada sesiapa akan dapat melupakan hari raya ini.

Perayaan tersebut juga dikenali sebagai Hari Raya Puasa. Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan yang dirayakan oleh umat Islam di seluruh dunia tanpa mengira bangsa bagi menandakan berakhirnya bulan Ramadhan yang mana umat Islam telah menjalani ibadat puasa dengan jaya dan tekunnya. Tambahan lagi ia merupakan antara dua perayaan terbesar bagi umat Islam selain Hari Raya Korban.

Kebiasaannya, persiapan hari raya ini akan dibuat dua atau tiga minggu sebelum masanya. Ada juga yang akan membuat persiapan itu empat atau lima bulan awal sebelum tiba hari raya. Di samping itu, kebanyakan pusat membeli-belah akan mengadakan jualan murah atau promosi dan dihiasi dengan perhiasan secara besar-besaran seperti gantungan lampu-lampu solar raya lip lap dan hiasan ketupat plastik. Selain itu, pihak media juga akan memutarakan lagu-lagu raya di radio dan di televisyen serta tayangan rancangan-rancangan yang berkisarkan Aidilfitri. Pada waktu dan saat beginilah bank, sekolah dan premis-premis perniagaan akan ditutup selama beberapa hari



sempena menyambut Aidilfitri. Justeru jalan raya utama dan lebuh raya di seluruh negara akan sesak gara-gara kebanjiran warga kota yang pulang ke kampung halaman untuk menyambut Aidilfitri bersama-sama sanak saudara dan kaum keluarga. Situasi ini dikenali juga sebagai "fenomena balik kampung".

Apabila kedengaran takbir raya, menandakan berlalunya Ramadhan. Hari raya merupakan hadiah daripada Allah SWT sebagai tanda kemenangan kita dalam mengekang hawa nafsu selama sebulan dan diharamkan berpuasa pada satu syawal. Ia bukanlah hari untuk kita berdukacita dan bersedih, sebaliknya kita hendaklah menyambut dengan penuh kegembiraan dan kemenangan setelah melalui bulan yang penuh barakah.



Terlebih dahulu kita hendaklah mengetahui bahawa hari raya ini bukan sekadar tradisi atau cetusan idea dan rekaan mana-mana pihak, ia adalah syariat yang diturunkan oleh Allah SWT dan ada hukum-hakamnya yang tersendiri. Sehubungan itu Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"..Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadhan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur". (al-Baqarah:185).

Ayat ini menguatkan lagi tentang kedatangan hari raya sebagai tanda syukur atas nikmat kurniaan Allah SWT. Maka kita disuruh bertakbir membesarkan Allah SWT pada hari raya. Ini semua tanda kejayaan dan kegembiraan.

Di samping itu, ia adalah hari yang Allah SWT peruntukkan untuk Muslim membesarkan-Nya dengan kemenangan dan kegembiraan bukan dengan kesedihan yang akan mengaburi keseronokan hari yang bahagia tersebut.

Dengan kehadiran hari mulia itu, pelbagai aktiviti yang banyak manfaat kita akan laksanakan tanpa menyedarinya. Aktiviti atau perbuatan tersebut sudah menjadi adat kebiasaan masyarakat Melayu apabila tibanya hari raya. Antara aktiviti tersebut ialah bermaafan antara satu sama lain tidak kira tua atau muda. Perbuatan ini dapat melatih kita untuk memaafkan dan memohon maaf tidak kira sebesar atau sekecil manapun salah kita. Selain itu, budaya kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi sanak-saudara atau rakan-rakan akan dapat mengeratkan lagi tali persaudaraan yang tersedia erat. Perkara tersebut mungkin kita menganggapnya kecil dan kita memandangnya enteng, tetapi kesannya sangat besar dan positif untuk kita semua tanpa di duga.



Selain itu, apabila anak-anak kecil berkunjung tiba untuk memeriahkan lagi suasana hari raya, tuan rumah akan menyediakan satu sampul khas yang akan diberikan kepada anak-anak kecil tersebut. Sampul tersebut mengandungi sejumlah wang tunai atau dikenali juga sebagai 'duit raya' yang sememangnya akan diberikan kepada golongan kanak-kanak yang datang beraya. Sikap sebegini dapat memupuk sifat pemurah dalam diri. Walaupun bukan sejumlah wang yang besar, tetapi ia tetap dikira bersedekah selagi mana kita ikhlas.

Inilah hari yang dikatakan penuh dengan kemenangan. Biarpun Ramadhan telah berlalu, jadikan amal ibadah kita berpanjangan dan berlarutan sehingga akhir kehidupan. Ramadhan merupakan bulan tarbiyah dan Syawal adalah bulan penyatuan antara individu dengan individu yang lain. Itulah tanda kemenangan hari raya yang sebenarnya.



MENGAPA BERLAKU PENYELEWENGAN AKIDAH BAGAIMANA MENGENALINYA? (siri 2)

Oleh: Fatimah Saad (Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM)

AJARAN ANTI HADITH

Boleh dikatakan semangat anti-hadith ini terdapat di dalam setiap ajaran salah yang pernah dikenali dalam sejarah Islam sama ada pengingkaran itu secara sengaja atau tidak sengaja. Lihatlah kepada ajaran Syiah, Baha`i, Qadiani, Mu`tazilah, Khawarij, ajaran-ajaran tarekat yang salah dan lain-lain lagi, pasti kita temui semangat ini pada mereka.

Namun begitu yang dimaksudkan di sini ialah golongan anti-hadith yang secara terang-terangan tidak menerima hadith sebagai sumber kedua di dalam Islam sama ada berkaitan dengan persoalan aqidah atau persoalan hukum-hakam. Begitu juga yang berkaitan dengan sosio budaya. Golongan ini menganggap taat kepada Rasul SAW itu bermakna taat kepada Allah SWT. Tidak ada ketaatan kepada Rasul SAW kerana pada hakikatnya Rasul tidak lebih daripada seorang posmen.

Di Mesir muncul fahaman yang dikemukakan oleh Mahmood Abu Rayyah dan Rasyad Khalifah. Di Pakistan pula lahir individu seperti Caudri Ghulam Ahmad Parwez dan Doktor Ghulam Jailani Barq menjulang bendera anti hadith. Manakala di tanah air kita adanya individu seperti Kassim Ahmad.

Rata-rata pemimpin golongan anti hadith ini terdiri daripada orang yang tidak mendapat pendidikan al-Qur'an dan as-Sunnah secara formal bahkan kebanyakan dari mereka masih tidak dapat membaca al-Qur'an dengan baik.

Gejala anti hadith ini lebih ketara dengan adanya dakyah-dakyah daripada golongan Syiah yang sentiasa mencuba untuk menimbulkan keraguan umat Islam terhadap kitab-kitab al-hadith yang telah diakui umat seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim dan lain-lain lagi.

Di antara faktor yang mendorong mereka menolak hadith-hadith atau "hadith-hadith yang bercanggah dengan al-Qur'an" ialah kerana hadith-hadith itu:

- (i) Bercanggah dengan akal
- (ii) Diriwayatkan oleh orang yang ketika peristiwa yang diriwayatkan olehnya belum memeluk agama Islam atau belum lagi wujud.
- (iii) Sekian banyak hadith seperti yang didakwakan oleh ulama-ulama hadith tidak mungkin diingat dan dihafal oleh manusia.
- (iv) Hadith-hadith yang pada zahirnya menyatakan keserupaan Allah SWT dengan makhluknya.
- (v) Hadith-hadith itu tidak dikumpulkan secara bertulis seperti al-Qur'an pada zaman Nabi SAW lagi (mengikut dakwaan mereka).
- (vi) Hadith-hadith yang menyifatkan keadaan Nabi SAW yang tidak layak dengan kedudukan dan sifat Baginda SAW yang dimaklumi.

AJARAN AI-ARQAM

Ajaran al-Arqam adalah di antara ajaran sesat yang berasal daripada tanah air kita. Antara kesesatan dan penyelewengan mereka yang boleh disebutkan ialah:

- (i) Mempercayai Syeikh Suhaimi sebagai Imam Mahdi.
- (ii) Mempercayai pemimpinnya sebagai pembawa bendera Imam Mahdi.
- (iii) Memutarbelitkan pengertian hadith dan atsar sesuai dengan kepentingan dan selera mereka.
- (iv) Mendakwa berdialog dengan Nabi SAW semasa jaga dan Nabi SAW memanggil pemimpinnya dengan 'Tuan'.
- (v) Amalan Aurad Muhammadiyah.

AJARAN-AJARAN TAREKAT DAN TASAWUF YANG SESAT

Kesesatan ajaran tasawuf dan tarekat tidak khusus kepada sesebuah negeri malah ia telah tersebar di serata tempat dan ke segenap pelusuk dunia Islam.

Di mana-mana boleh ditemui orang yang mempercayai syeikh mereka mempunyai kuasa ghaib. Mereka sujud kepadanya dan bila syeikh mereka mati mereka berkeliling di kuburnya, dikucup dan dibasuh kuburnya itu lalu diambil air basuhan itu sebagai sesuatu yang membawa berkat kepada kehidupan mereka. Kepercayaan bahawa bila seseorang telah sampai ke suatu maqam yang tertinggi, maka dia tidak terikat dengan ikatan syariat dan terlepaslah dia daripada segala fardhu sembahyang, puasa dan sebagainya bahkan sampai ke peringkat ia telah bersatu dengan Allah SWT.

SEBAB-SEBAB BERLAKU AJARAN SESAT

Asy-Syahrastaani dalam *al-Milal Wa an-Nihal* jilid 1 menyebutkan faktor paling utama bagi kelahiran ajaran sesat ialah kekeliruan dan salah faham terhadap sesuatu konsep agama yang betul.

Selain dari yang disebutkan asy-Syahrastaani itu, boleh juga disenaraikan di antara sebab berlakunya penyelewengan aqidah dan ajaran sesat adalah seperti di bawah ini.

- (i) Kerana mengikut hawa nafsu dan mempunyai kepentingan duniawi. Kerana itulah Allah SWT berfirman tentang orang yang mengikut hawa nafsu itu sebagai orang yang mempertuhankannya dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipatuhinya dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahui-Nya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang yang ingkar) tidak mahu beringat dan insaf? (al-Jatsiyah: 23)

- (ii) Bermaksud untuk memecahbelahkan ummah dan melenyapkan kesatupaduannya.
- (iii) Pakatan luar sama ada daripada agama-agama bukan Islam ataupun daripada kuasa-kuasa politik luar untuk memecahbelahkan umat Islam. Ini jelas dapat dilihat pada ajaran-ajaran sesat seperti Baha’i dan Syiah yang didalangi oleh Yahudi dan juga ajaran Qadiani yang menjadi agen penjajah Inggeris.
- (iv) Kecetekkan ilmu tetapi mahu supaya diterima sebagai pemimpin atau ketua. Kecetekkan ilmu juga selalu menjadi faktor kelahiran ajaran sesat yang dapat kita lihat pada ajaran-ajaran sesat tempatan seperti golongan Anti-Hadith, Tajalli, al-Arqam dan lain-lain lagi.
- (v) Faktor-faktor fizikal dan mental misalnya gila atau sakit jiwa.

Ini juga terbukti pada orang yang membawa ajaran-ajaran sesat dan diketahui sejarah bahawa mereka mengidap sakit jiwa ataupun kelemahan fizikal.

Selain daripada dakwaannya yang jelas menunjukkan keparahan penyakit jiwanya lantaran beliau mendakwa dirinya sebagai al-Mahdi. Beliau juga sebagai Isa al-Masih dan beliau juga sebagai Ahmad yang dijanjikan oleh Tuhan dalam kitab Injil.

- (vi) Kesan buruk daripada amalan-amalan agama yang tidak seimbang. Perkara ini selalunya terjadi kepada golongan yang mengikut ajaran-ajaran tarekat yang tertentu tanpa bimbingan daripada guru yang mursyid dan berpandukan kitab muktabar di dalam bidangnya di samping memberi penekanan kepada sudut-sudut tertentu secara berlebihan dan bercanggah dengan Sunnah Rasulullah SAW.
- (vii) Mempunyai kecenderungan untuk membebaskan diri daripada mana-mana mazhab atau aliran pemikiran yang diakui oleh ulama-ulama yang muktabar dalam keadaan tidak mempunyai kelayakan untuk berbuat begitu.

Kecenderungan ini ketara pada golongan anti-hadith atau ajaran sesat lain yang merasakan dirinya sudah mempunyai cukup kemampuan untuk “istinbath” dan beristidlal dengan al-Qur’an dan hadith-hadith Rasulullah SAW tanpa panduan dan bimbingan ulama-ulama yang terdahulu yang diakui keilmuannya.

- (vi) Modernisma dan materialisma dalam agama.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN PENYELEWENGAN AQIDAH BERLAKU SECARA BERTERUSAN

Di antara sebab yang boleh disebutkan bagi berterusannya ajaran-ajaran sesat itu ialah:-

- (i) Kurangnya pengajaran agama Islam dengan baik dalam sesebuah masyarakat Islam itu yang boleh memecah kebuntuan dan salah faham masyarakat terhadap sesuatu ajaran agama.
- (ii) Berleluasanya maksiat dan kemungkaran yang menyebabkan manusia berada dalam kegelapan hidup dan akhirnya mendorongnya menganut fahaman-fahaman atau ajaran-ajaran sesat.
- (iii) Tersebar dengan meluas buku-buku, risalah-risalah ataupun lain-lain bahan media massa yang menguatkan ajaran-ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar tetapi atas nama Islam.

CARA PENYELESAIANNYA

Di antara cara penyelesaiannya yang boleh diketengahkan adalah seperti berikut:

- (i) Kembali kepada al-Qur'an dan as-Sunnah.
- (ii) Mengadakan hukuman yang tinggi dalam peruntukan undang-undang yang ketat bagi membendung dan menghalang ajaran-ajaran yang sesat ini sesuai dengan ajaran Islam itu sendiri.
- (iii) Melahirkan para pendakwah dan guru-guru agama yang benar-benar peka di dalam persoalan penyelewengan akidah khususnya dan penyelewengan daripada ajaran Islam serta melatih mereka dengan cara-cara mengatasi masalah-masalah ini.
- (iv) Memperkenalkan Islam yang syumul merangkumi segala aspek kehidupan manusia di samping mempraktikkannya.
- (v) Memberikan ajaran Islam yang mencukupi di dalam menghadapi segala bentuk ancaman yang mungkin menggugat aqidah mereka.
- (vi) Menghapuskan segala bentuk maksiat dan kemungkaran atau sekurang-kurangnya berusaha mengurangkannya secepat mungkin, bukan dengan memperbanyakkan pula tempat-tempat maksiat dan membiarkan kemungkaran terus bermaharajalela.
- (vii) Mempergunakan media massa seluas-luasnya dalam usaha pengajaran Islam yang benar-benar bersih dan tulen kepada masyarakat.
- (viii) Sentiasa berusaha mengenalpasti penyelewengan aqidah yang berlaku dalam masyarakat kemudian bertindak dengan secepat mungkin sebelum ia berakar umbi.
- (ix) Sentiasa meminta pertolongan dan menaruh pengharapan kepada Allah SWT sebagai penolong dan pembela dalam usaha membasmi penyelewengan aqidah dan ajaran-ajaran sesat.

PENUTUP

Sebagai kesimpulannya dapat kita tegaskan bahawa orang yang mempunyai aqidah yang betul sama sekali tidak akan terpesong dan dapat diperdayakan oleh syaitan. Hakikat ini adalah berdasarkan janji Allah SWT di dalam al-Qur'an yang bermaksud: *" Sesungguhnya hamba-hamba-Ku, tidaklah ada bagimu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri) "*. (al-Hijr: 42)



TERSUNGKUR DI TEPIAN NERAKA

Oleh: Khafizan Mohd Bahar (Guru)

Di dalam lembah api itu, kau terlihat lidah-lidah api di situ seakan-akan tanduk-tanduk syaitan yang melonjak-lonjak keluar dari dasarnya yang pekat hitam. Hitam lebih daripada segala yang hitam, gelap lebih daripada segala yang gelap. Sedang kegelapan itu sememangnya tidak pernah senang berada dalam cahaya. Keggelapan akan lari bertempiran dan hilang apabila cahaya datang. Keggelapan itu singgahsana Iblis. Iblis pula raja segala syaitan yang dulu pernah bongkak kerana berasa bangga akan dirinya berasal daripada api. Dia pernah menyesatkan bapa manusia. Ya, syaitan dicipta daripada api bukan daripada cahaya, sesuatu ciptaan yang luar biasa bukan? Memang tiada kena mengena cahaya dengan api. Cahaya sifatnya tidak membakar malah ia menyuluh dan menerangkan sedangkan api sifatnya membakar. Tuhan sudahpun menentukan watak iblis dan keturunannya sebagai pembakar. Boleh jadi apa yang dibakar adalah nafsu, maka apabila nafsu dibakar ia menjadi marak menyala-menyala, meronta-rontalah syahwat dan amarah lalu memusnahkan diri.

Kau terlihat latar gambar sebuah halusinasi sehingga terbuka tabir hijab di dalam ain matamu yang merah menyala. Pada mulanya kaumelihat ada kepala-kepala manusia yang

mengeluarkan tanduk-tanduk kecil dicelah-celah helaian rambut hitam mereka semasa berdansa menuruti alun muzik dan budaya libur ciptaan barat. Kemudian lagi, di celah-celah mereka kau turut terlihat banyak lagi tanduk-tanduk lain selepas itu muncul secara berlapis-lapis, kali ini tanduk-tanduk itu berbagai-bagai bentuk dan mengerikan. Berbulu-bulu dan berjerabai, ada yang besar dan panjang melengkung bermacam-macam rupa. Mungkin setiap tanduk-tanduk yang berbeza itu membedakan taraf darjat dan kedudukan antara mereka. Kau kehairanan, syaitan-syaitan di dalam api itu juga semua terpekik dan terlolong sehingga mulut-mulut mereka herut-bengut, tersiat dan ternganga luas sehingga menampakkan halkum dan lidah terjelir panjang sehingga menyapu lantai. Ya, pesta api itu baru bermula, semua yang kau lihat di situ adalah api. Api yang menyemarakkan amarah nafsu. Semuanya api, ada percikan bunga-bunga api yang sedang berselerakan memanjat tubuh manusia yang bermandian dalam peluh-peluh dosa. Anehnya, bunga-bunga api yang melompat-lompat dari tubuh ke tubuh itu tidak sedikit melecurkan kulit dan mengoyakkan daging mereka. Kau terfana dalam khayal. Bola mata kau sudah merah bersaga seperti warna lidah api yang bernyala-nyala. “wah, pesta kita sudah bermula..ayuh!”. Suara itu kau dengari.

Kau sudah lama mengenggam kepala botol wiski yang sudah terbuka. Penutupnya sudah terpelanting ke lantai jubin, jatuh berdenting. Ada buih-buih dari air najis itu sedang menuruni lembah kotor di jari-jemarimu, jari-jari tangan kiri yang menyapu tinja. Jari tangan sebelah kanan yang kerap menjadi saksi ucapan syahadah pula, kau biarkan pula dikotori belaian tangan gadis genit nan manja berskirt merah berbelah sampai peha dan bertumit tinggi. wanita itu merayu agar sama-sama berpartisipasi dengannya dalam deruman muzik dan limpahan lampu neon yang berputar-putar dan berkelip-kelip dalam hilai tawa ghairah lagi berahi. Ketika itu suara wanita-wanita penggoda sahaja yang didengari, sementara para lelaki pesta lain terkesima dalam debaran gelora nafsu yang semakin marak dan menjulang-julang seperti api yang membakar rumpun-rumpun jerami kering. Kau segera bangkit lantas merangkul pinggang lentik seorang perempuan pesta yang mendada dengan erotik di hadapanmu. Di tangan kau dan mereka masing-masing ada sebiji gelas, di dalamnya berisi air di antara warna biru dan hijau. Tidak dapat dipastikan warna air itu kerana warna yang terlihat itu hanya biasan daripada kaca dan air yang bercampur dengan cahaya-cahaya lampu neon berwarna warni. Bebuih dalam gelas-gelas itu menggelegak dan berapi-api serta berkepul-kepul keluar asap. Ah, sungguh dikesali, di dunia pun kau sudah menuangkan ke dalam rongga mulutmu akan minuman daripada api neraka itu. Air yang menggelapkan akal manusia. Namanya 'Khamar', maksudnya menutup, menutup pintu akal hingga kau tidak berdaya lagi berakal fikiran waras dan celaru dalam memilih antara dosa dan pahala.

Sekarang, bukannya isu salah atau betul. Nah, lihat! kau tidak berasakan berdosa lagi tika kedua-dua betismu sudah bertindih dan bersilang dengan peha mulus dua orang wanita di kiri dan kanan yang mendakap dadamu. Kemudian selepas pesta berakhir kau sudah mencongak-congak untuk merangkul gadis-gadis itu ke kamar syurga impian. Kata mata fikirmu "jika itu berlaku adalah tidak salah. Ah, suka sama suka". Kau balas dalam mengejek. "Bagaimana tidak salah, itu pertimbangan moral yang celaru yang digasak nafsu". Kata mata hatimu. Sewaktu pesta mulai hambar, sedang pemuda-pemudi pesta semakin dikuasai dan dikalahkan rasa kantuk. Pada jam dua pagi, pesta dalam

**"Ibuuuuuuuu!....".
Hati kau menjerit-
jerit kuat, sayup dan
bertambah sayup.
Makin lama bernada
semakin melirih. Air
mata berderai-derai
menyepuh lantai. Kau
menyungkur bersujud di
luar pintu tempat ibumu
dilarikan.**

lembah api itu masih bersisa baranya. Kau dan mereka bersenang-senang pula di atas sofa empuk. Kau melangkah perlahan dalam fikiran yang masih samar dan gelap, melewati botol-botol yang bersisa najis, tin-tin minuman yang bersepah di meja serta puntung dan habuk rokok yang bertaburan di atas lantai. Terhoyong-hoyong bersama dua gadis, melangkah menuju ke pintu keluar dari lembah gelap itu untuk ke kamar peraduan, di dalam syurga khayalan.

Pintu keluar terselak sedikit, di situ kau terpaku kerana terlihat seekor lembaga bewarna kehitaman, berbulu tebal dan berjalur hitam pekat, matanya bulat dan tajam persis seperti seekor musang. Ya, kau pasti seperti seekor musang. Dari celah pintu cermin gelap yang terkuis sedikit itu kelihatan ada pergelutan. Kedengaran suara seorang perempuan tua sedang mengadu seperti orang dalam kesejukan dan ketakutan "Jangan, jangan bawa aku ke sini, aku tak mahu, anak aku tak akan pergi ke tempat ini!". Kau kenal benar akan suara itu, suara yang pernah mendodoikanmu, menidurkanmu, menasihatinu dan mendoakan kesejahteraanmu tanpa mengira resah dan waktu. "Ah,itu ibuku!. Malu besar kalau dia terlihat aku di sini". Hatimu tersentak dalam kacau. Lembaga seperti musang itu sedar diperhatikan, matanya berkilat kerana dipanah lampu dari cahaya suluh dari telefon bimbit yang kau halakan. Lembaga itu terus menarik tangan perempuan tua yang menjerit sedari tadi dan terus hilang daripada pandangan mata sepantas halilintar. "Ibuuuuuuuu!....". Hati

kau menjerit-jerit kuat, sayup dan bertambah sayup. Makin lama bernada semakin melirih . Air mata berderai-derai menyepuh lantai. Kau menyungkur bersujud di luar pintu tempat ibumu dilarikan. Seheinggakan telefon bimbit di dalam poket yang kau ubah kepada mod getaran sebelum itu, bergetar entah kali ke berapa. Sudah lebih dua puluh panggilan tidak dijawab, kini di luar pesta baru kau terasa ada getaran daripada telefon bimbitmu. Panggilan-panggilan tidak dijawab sudah berlalu hampir dua jam lebih, kau tidak pedulikan kerana sengaja kau mahu menyembunyikan keberadaanmu di pesta itu daripada pengetahuan orang lain terutama ibumu . Pandai, kau sungguh licik. Tetapi semua penyamaran-penyamaranmu kini bagaikan sudah bernoktah. Bagaikan sudah berakhir.

“Ibuuuuuuu!...” Hati luluh kau semakin kuat meronta dan terseksa, apabila ada khabar yang kau baca daripada kotak simpanan pesanan di telefon bimbitmu. Ringkas tertulis “Andak, mak dah tiada. Cepat balik!”. Dengan berita itu barulah kau sedari, sedari tadi kau hanya bermimpi dan berhalusinasi terlihat syaitan yang bertanduk dan musang yang berbulu lebat dan hitam di dalam lembah api yang gelap itu. “Musang?... Musang?” Kau mengerlip-ngerlipkan mata dan memusingkan kepala yang masih lagi berbintang-bintang. Binggung bercampur sesal yang tebal. Kau teringat kelmarin ketika kau baru tiba dekat sisi tubuh ibumu yang sedang nazak. Mulut kau terkunci mati, tidak mampu kau baca walaupun sebaris kalam ilahi. Ibu kau meracau-racau menyebut “Datang dari mana musang ini, pergi! pergi jauh-jauh!”. Kau gumam terdiam. Tercengang hairan. Orang yang sedang nazak juga boleh memecah dinding hijab sebuah pandangan dengan izin tuhan. Kini kau mulai faham musang itu adalah kau sendiri sebenarnya! . Cuba kau muhasabah, melihat hidupmu, tak ubah seperti musang yang gemar keluar di waktu malam dan suka menyelinap di dalam gelap serta pandai berpura-pura di hadapan ibumu sendiri.

“Wahai Mohd Zaidi bin Aminah, Sekarang imbaslah semula perbuatan kau, seringkali ibumu menyuruhmu sembahyang. Pada ketika itu jugalah kau akan cuba mencari alasan untuk melewati-lewatkan. Kemudian, sekali lagi ibumu pasti akan mengingatkanmu lagi selang beberapa lama, dia cukup bimbang kalau-kalau

kau terlupa sembahyang. kau disibukkan urusan dunia. Kau kata, aku sudah mendirikannya, sedangkan telah tercatat segala-galanya di sini, cuba kau lihat di sini!”. Suara itu membentakmu dari atas kepalamu. Kau kenal benar suara itu, seperti suara arwah bapamu. Tiba-tiba kelibat jasad ayahmu muncul dari arah kepalamu yang tersungkur. Dia memanggil namamu berbinkan ibumu, seperti memanggil seorang jenazah. Di tangannya sebatang rotan yang pernah kau takuti dahulu. Dahulu, arwah ayah selalu mengingatkanmu supaya mendirikan sembahyang dengan rotan panjang di tangan. Dia juga sering menggantungkannya di belebas kayu di dalam rumah, sebagai peringatan. Tetapi, tiba-tiba kau berasa hairan, beberapa ketika dia membuka lembaran suhuf catatanmu di depan mata. Kau kaku melihat dengan mata terbuntang, badan terlentang dan kau terdiam tanpa sebarang penafian.

Kau bangkit dengan azam. Bertekad membunuh khayalan. Angan-anganmu membawa gadis-gadis genit seksi lagi ghairah yang sudah bersedia menyerahkan keperawanan itu kau terbangkan melayang-layang. Kau baru tersedar sebenarnya sejak dari tadi kau sudah hampir terhumban ke lembah neraka yang paling dalam, bukannya syurga impian. Kau bergegas berlari ke sebuah kereta kawan yang dipinjam. Itu kereta curi yang kau tak pedulikan asalnya. Bajumu sudah kuyup berendam duka dan air

**Kau baru tersedar
sebenarnya sejak
dari tadi kau sudah
hampir terhumban
ke lembah neraka
yang paling dalam,
bukannya syurga
impian.**

mata, tiada apa lagi yang kau fikirkan sekarang kecuali mahu melayahkan tubuhmu dan bersujud merahap di telapak kaki ibumu demi mendamba sebuah syurga kebenaran. Kau menghidupkan enjin kereta dan menekan pedal minyak, tetapi “Ahhhhh,...mengapa kereta aku seperti tidak bergerak!?, terlalu berat, ahhhh mengapa!” Kau meraung dalam kekesalan yang hitam pekat dan sangat menebal. Kau menoleh ke kiri, ada lembaga hitam seperti musang. Kau menoleh pula ke belakang, ada beberapa ekor lagi musang. Hitam, berbulu dan menyeramkan. Mereka memberatkan kenderaanmu, kenderaan amalmu yang penuh sarat dengan beban dosa tak tertanggung.

“Zaidiiiiiiii.....” Suara seperti bunyi guruh bersambung-sambung entah dari mana memanggil rohmu agar pulang ke pangkuan jasad. Itu suara teriakan dari perasaan yang berderai-derai dan berkecai-kecai bersama esakan dan hujan air mata. *“Zaidi bangun! Bangun! Mak....mak. Dah tak bernafas....dia sudah tiada”*. Abang sulongmu yang tidak tidur semalaman menemani ibumu yang sedang nazak datang mengejutkanmu. Kau bingkas bangun, naskhah yasin yang cuba kau baca berkali-kali tetapi lidahmu kaku malam tadi tercampak ke dinding lantaran terkena tanganmu yang meracau. Segera kau mencium baju yang kau pakai masih berbau masam bercampur wangi dari semburan wangi badan wanita-wanita yang kau cumbui malam semalam. Kau tertidur. Kau belum membasuh debu di kaki, daki di badan, najis di tangan dan kotor di hati. Tidak teringatkah akan dikau akan pesanan imammu yang pernah bertanya sahabat-sahabat baginda dahulu *“Tahukah kalian, seandainya ada sebuah sungai berdekatan pintu salah seorang di antara kalian, lalu dia mandi daripada air sungai itu setiap hari lima kali, apakah akan tersisa kotor di badannya walau sedikit?”* Para sahabat menjawab, *“Tidak, tidak akan tertinggal sedikit pun kotoran di badannya.”* Baginda berkata lagi *“Maka begitulah perumpamaan shalat lima waktu, dengannya Allah menghapuskan segala dosa-dosa (Riwayat Bukhari Muslim).* Sekarang *“Bersihkanlah dengan solatmu, dengan taubatmu”*. Kau dengar suara ibumu berbisik perlahan di tubir telinga. Kau merangkak menuju ke kaki sungai itu. Kau merendam semua sesalmu dalam arus sungai bersih yang menuruni lembah-lembah dan permatang sukma.

Sungai itu memperbaharui imanmu, menyucikan mata hatimu. Abang long kehairanan melihat kau dirikan solat dua rakaat, dia melihat lakumu dari celahan pintu. Kau menangis, menangis yang sungguh-sungguh menangis. Setelah itu kau mengambil semula naskhah yasin yang tercampak ke tepi dinding. Kau mengusapi air mata yang memecah empangan tebal kelopak matamu. Limpahannya tak terbandung. Dada sebak menolak nafas, tersekat-sekat. “Mak sudah tiada, marilah kita berkumpul, sedekahkan bacaan yasin sementara menunggu hari cerah” Suara abang longmu yang tenang menteramkan lara hatimu yang sesal. Kau mencapai senaskhah yasin di atas meja dan duduk bersila. Kau malu, malu dengan saudara-saudaramu. Menangis semahu-mahunya dan tertunduk memandang lembaran Al-Qur’an. Bimbang, sekali lagi lidahmu akan menjadi keras seperti batu atau kaku seperti batu nisan. Beberapa ketika, dengan izin tuhan kau boleh menyebut Bismillah. Dengan nama Allah, lidahmu petah.

Maka, turunlah bercucuran air mata kesyukuranmu membanjiri lembaran surah yasin yang terbuka. Kau lihat kalimah-kalimah yang terkena titis-titis air mata kesalmu berkilauan dikilas cahaya. Cahaya yang terpancar dari wajah mulia ibumu yang hampir pucat memutih. Kau menerpa ke wajah ibumu yang tersingkap, Kau cium pipi dan dahinya sepuas-puasnya. Hatimu sayu menahan sebak dalam redha. Kali ini dan hari ini adalah kali terakhir kau mencium pipi ibumu dan mengusap ubun-ubunnya tanpa sempat kau menguntum sebuah ucapan memohon diampunkan dosa. Kau menyesal sesungguh-sungguh sesal. *“Ibu, sehingga hela nafas kau yang terakhir kau tidak henti-henti mengajarku., keranamu aku tersandung lalu tersungkur di tepian neraka. Astaghfirullahal Azim”*.





HUKUM

LELAKI MEMAKAI TELEFON BIMBIT YANG BERSADUR EMAS 24 KARAT

Oleh: Fatimah Saad (Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM)

Zaman teknologi yang serba maju ini telah dicipta berbagai alat yang disadur dengan emas, antaranya ialah telefon bimbit. Oleh yang demikian ramai orang bertanya apakah hukum lelaki memakai telefon bimbit yang bersadur emas 24 karat?

JAWAPAN

Islam mengharamkan ke atas umatnya sama ada lelaki ataupun wanita menggunakan peralatan yang diperbuat daripada emas ataupun perak. Ini berdasarkan kepada sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Jangan kamu minum dalam bekas emas dan perak dan jangan kamu makan dalam pinggan daripadanya”. (Riwayat Bukhari).

Hukum pengharaman ini disepakati oleh seluruh ulama sebagaimana nukilan Imam Nawawi: “Umat Islam telah ijmak tentang pengharaman makan, minum dan penggunaan-penggunaan lain terhadap bekas emas dan perak”. (al-Majmuk, 1/250).

Walau bagaimanapun, dalam kes bekas atau peralatan yang tidak diperbuat daripada emas tetapi hanya disadur dengan emas, terdapat beberapa pandangan ulama mengenainya:

i) Majoriti ulama termasuk mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie berpendapat bahawa peralatan yang diperbuat bukan daripada emas atau perak tetapi hanya disadur dengan emas atau perak adalah harus digunakan, dengan syarat kadar saduran tersebut sedikit. Tahap sedikit yang dibenarkan adalah berbeza antara mazhab.

Dalam mazhab Syafie, kadar sedikit yang dibenarkan ialah sekiranya peralatan tersebut dibakar di atas api, saduran emas atau perak tersebut tidak terkumpul. Jika sekiranya saduran emas atau perak boleh terkumpul jika dibakar di atas api, maka peralatan tersebut tidak dibenarkan (al-Nawawi, 1/260).

Berbalik kepada soalan, telefon bimbit diberikan hukum yang sama dengan peralatan, kerana ia adalah sejenis gajet yang digunakan. Ia tidak boleh disamakan dengan barang perhiasan. Justeru berdasarkan kepada perincian hukum peralatan yang disadur dengan emas atau perak, maka hukum menggunakan telefon bimbit yang disadur dengan emas sama ada bagi lelaki atau wanita hendaklah dilihat kepada kadar saduran padanya. Sekiranya saduran emas itu banyak sehingga boleh terkumpul jika dibakar di atas api, maka hukumnya adalah haram. Tetapi jika sekiranya saduran emas itu sedikit, maka pendapat yang sahih adalah harus menggunakannya.

Konsep Makanan Halal Dalam

Islam

Oleh: Hafizah Mohd Yusuf (Penterjemah RTM)

伊斯兰的清真饮食概念
哈佳马丽燕编

清真的原意为‘合法的’，它带来的意思是指符合伊斯兰教规的一切事物。

按照伊斯兰教义，清真不仅是专指可食之物，也泛指穆斯林生活中各方面符合伊斯兰教规的其他事物。

古兰经第5章款待的品章第88节

最崇高安拉

最崇高安拉的启示的译意：“你们应当吃安拉所赐给你们的合法和佳美的食物，你们也应当敬畏你们所信仰的安拉。”穆斯林的日常生活非常注重饮食的两个原则，这就是合法和佳美。合法的饮食符合伊斯兰教规，佳美迎合穆斯林饮食在品质与品味的要求。

我们所要吃清真的食物，就是合法和佳美的食物。我们能够吃到合法和佳美的食物，也表示我们遵从和顺服于安拉的指导要维护身体和心灵的健康。

在伊斯兰的信仰里，穆斯林的所有行为，包括饮食行为都是为了敬拜最崇高的安拉，而不是为了满足口腹意欲或者消遣玩乐，因为饮食的食物是来自最崇高的安拉的恩赐、供养和福祿。

在伊斯兰的圣行或者穆斯林的宗教生活里，我们以敬拜安拉的举意开始 饮食。

结论：人们对真主的敬拜，是由心口行表现出来的，因此，吃喝也不例外，饮食的行为是应当以合法和佳美为食物，也以纪念安拉的举意而吃喝的。除此之外，我们就不会有浪费食物、倒掉剩饭或者藐视不喜欢吃的食物等等的不良习惯。

Konsep Makanan Halal Dalam Islam

Oleh: Hafizah Mohd Yusuf (Penterjemah RTM)

Perkataan *Qing Zhen* dalam bahasa Cina membawa maksud 'Halal'. Pengertian 'Halal' ialah segala perkara atau benda yang mematuhi syariat Islam. Menurut ajaran Islam, halal bukan hanya khusus pada makanan tetapi ia juga meliputi segala aspek kehidupan orang Islam yang mematuhi syariat Islam.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman." (al-Maaidah :88)

Makanan yang kita ingin makan ialah makanan yang halal dan baik. Apabila kita dapat makan semua makanan ini, menunjukkan kita mengikut perintah dan menyerah diri terhadap Allah SWT demi memelihara kesihatan fizikal tubuh badan dan jiwa kerohanian kita.

Dari segi akidah Islam, semua perbuatan Muslim yang beriman, termasuk juga perbuatan makan-minum dilakukan kerana Allah SWT semata-mata, bukan untuk memuaskan nafsu atau berseronok dengan makan-minum. Makanan dan minuman yang kita ambil ini ialah anugerah, pemberian dan rezeki yang datang daripada Allah SWT.

Dari segi ibadat Islam atau amalan kehidupan Islam, kita disunatkan mengingati Allah SWT ketika memulakan makan-minum. Ini menambahkan balasan pahala ke atas diri kita.

Kesimpulannya, ketaqwaan kita terhadap Allah SWT dilakukan melalui hati, lidah dan anggota badan, ini turut melibatkan perbuatan makan-minum. Oleh itu, makanan dan minuman yang diambil mesti halal dan baik. Pada masa yang sama juga ketika mula makan-minum, kita hendaklah menyebut nama Allah SWT.

Selain itu, kita tidak boleh melakukan tabiat buruk seperti membazirkan makanan, membuang makanan yang lebih atau mencerca makanan yang kita tidak menyukainya.

TAKDIR MERUBAH SEGALANYA

Oleh : Abu al-Fateh (Penolong Pengarah, JAKIM) ● Siri 1

Kisah yang akan Aku coretkan ini adalah sebahagian daripada sejarah hitam perjalanan hidupku. Semoga ia dapat memberi suntikan semangat dan motivasi kepada semua pembaca.

Tanggal 21 Februari 1998, tarikh yang tidak akan dapat ku lupakan. Pada hari itu aku terlibat dalam satu kemalangan jalan raya yang menyebabkan aku kehilangan sepasang pancaindera iaitu mata .

Aku memaksa diriku untuk cuba mengingati kembali bagaimana kemalangan tersebut boleh terjadi, namun sehingga kini aku masih gagal. Menurut cerita daripada ibuku, aku bersama seorang kawan telah keluar ke Kuantan dengan memandu sebuah kereta sewa. Kemalangan ini berlaku di Beserah, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Kata ibuku lagi, melalui laporan polis kereta yang ku pandu telah terbabas

dan melanggar sebatang pokok yang berada di pinggir jalan. Kemalangan tersebut menyebabkan aku dan kawan sepengajianku di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) cedera parah. Namun, Allah SWT lebih menyayangi diri kawanku ini di mana, beliau telah meninggal dunia pada keesokan harinya di hospital besar Kuantan. Manakala aku pula telah kehilangan nikmat Allah SWT yang paling bernilai iaitu kedua-dua pancaindera mata ini.

Selepas peristiwa kemalangan tersebut, aku mula menghitung hari. Hari berganti minggu, minggu berganti bulan, dan bulan berganti tahun. Aku hanya mampu duduk di rumah sahaja tanpa melakukan sebarang kerja dan aktiviti. Aku bertanya juga kepada diriku ini. Sampai bila aku harus terus begini. Bagaimana dengan masa depanku, cita-citaku dan impianku. Patutkah aku biarkan ia dalam kegelapan sebagaimana pandanganku ini? Aku terus bertanya dan bertanya pada diri sendiri.

“ Hatiku berbisik lagi.
Hari ini aku masih
mempunyai emak
dan abah. Mereka
boleh menyara aku,
makan minumku,
pakaianku dan segala
keperluanku semuanya
mereka boleh penuhi.
Tetapi adakah mereka
akan ditakdirkan untuk
terus hidup sehingga
penghujung hayatku?
”

Hatiku berbisik lagi. Hari ini aku masih mempunyai emak dan abah. Mereka boleh menyara aku, makan minumku, pakaianku dan segala keperluanku semuanya mereka boleh penuhi. Tetapi adakah mereka akan ditakdirkan untuk terus hidup sehingga penghujung hayatku? Ah, agak sukar untukku menjawabnya. Bagaimana pula dengan adik-beradikku? Oh mungkin tidak. Mereka juga akan mempunyai tanggungjawab sendiri. Mereka akan berumahtangga, berkeluarga dan mempunyai anak. Semuanya perlu ditanggung dan diberi nafkah. Jadi aku macam mana? Oh Tuhanku, kuatkanlah semangat dan keyakinanku terhadap qada' dan qadar-Mu. Permudahkanlah urusan duniaku ini. Berilah petunjuk-Mu agar aku dapat membuat pilihan dan keputusan yang terbaik demi untuk aku meneruskan hidup ini sebagai hamba-Mu yang redha di atas segala ketentuan-Mu.

Aku terus bermunajat kepada Allah SWT agar aku diberi petunjuk dan hidayah.

Dalam aku mencari-cari dan menanti petunjuk dari Illahi, tiba-tiba aku teringatkan kawan-kawanku semasa di kolej dahulu. Di mana agaknya mereka hari ini? Oh mungkin mereka sedang gigih menuntut ilmu. Seingat aku sebelum menduduki peperiksaan akhir semester di KUSZA dahulu kami ada membuat permohonan untuk melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mungkin kini mereka sedang sibuk menghadiri kuliah dan menyiapkan kertas kerja yang diberikan oleh pensyarah.

Setelah merenung dan memikirkan masa hadapan yang masih samar dan belum pasti ke manakah arah tujuan diriku dengan keadaan yang buta ini? Akhirnya aku membuat keputusan. Aku ingin menyambung pengajianku di peringkat ijazah. Ini keputusan muktamadku... ya, ini adalah keputusan muktamadku.



Aku memaklumkan keputusanku ini kepada emak dan abah. Reaksi pertama yang mereka berikan agak mengecewakan. "Emak bertanya kepadaku"... Kau hendak sambung belajar? Macam mana engkau hendak pergi kuliah, membaca buku, membuat tugas... dan siapa boleh menguruskan diri kau semasa berada di hostel nanti? Itulah persoalan yang mereka timbulkan sebaik sahaja aku menyatakan hasratku untuk menyambung pengajian di universiti. Aku juga menceritakan kepada mereka tentang dialog aku dengan diriku sebelum ini. Satu persatu

aku perelaskan dan akhirnya mereka bersetuju dengan cadanganku. Alhamdulillah. Ya Allah rahmatilah kedua emak dan abahku.

Tidak berapa lama selepas itu, tibalah hari yang aku perlu ke hospital mata Tun Hussein Onn di Kuala Lumpur untuk membuat pemeriksaan mataku ini.

Setelah siap semua proses rawatan, doktor yang bertugas merawatku ketika itu memaklumkan kepada ayahku mengenai status dan kedudukan kedua mataku. Beliau menyatakan bahawa kedua retina mataku adalah dalam keadaan normal dan baik. Punca yang menyebabkan aku tidak mampu untuk melihat adalah terdapatnya sedikit gangguan pada urat saraf optik mataku.

Abahku terus bertanya dengan doktor tersebut, bagaimana jika kita membuat pembedahan? Doktor menjawab, sehingga ke hari ini masih belum ada lagi penawar ataupun rawatan yang khusus untuk merawat urat saraf. Beliau memintaku agar banyakkkan bersabar.

Aku mendengar semua penjelasan doktor tersebut dengan jelas, terang dan memahaminya. Apa yang pasti, bermula hari ini kedua mataku sudah tidak berfungsi lagi dan aku sekarang sudah menjadi seorang yang buta. Aku adalah salah seorang warga OKU penglihatan di negara ini.

Abahku meneruskan lagi percakapannya dengan doktor dan menyatakan hasratku untuk menyambung pelajaran. Doktor tersebut berkata dengan nada yang agak mengembirakan aku. Beliau amat bersetuju dengan hasratku untuk

Beliau menyatakan bahawa kedua retina mataku adalah dalam keadaan normal dan baik. Punca yang menyebabkan aku tidak mampu untuk melihat adalah terdapatnya sedikit gangguan pada urat saraf optik mataku. Abahku terus bertanya dengan doktor tersebut, bagaimana jika kita membuat pembedahan? Doktor menjawab, sehingga ke hari ini masih belum ada lagi penawar ataupun rawatan yang khusus untuk merawat urat saraf.

menyambung pengajian. Namun beliau menjelaskan bahawa aku perlu mempelajari tulisan braille terlebih dahulu bagi mempermudah proses pengajianku nanti. Doktor turut memberi kepada abahku satu set borang permohonan kemasukan ke sebuah institusi latihan bagi orang buta untuk aku belajar tulisan braille.


Aku mendengar semua penjelasan doktor tersebut dengan jelas, terang dan memahaminya. Apa yang pasti, bermula hari ini kedua mataku sudah tidak berfungsi lagi dan aku sekarang sudah menjadi seorang yang buta. Aku adalah salah seorang warga OKU penglihatan di negara ini.

Tidak lama selepas itu, pada awal bulan Januari tahun 2001 aku diterima masuk ke sebuah pusat latihan bagi orang-orang buta di Malaysia. Malaysian Association For The Blind (M.A.B) namanya. Selama hampir enam bulan aku di pusat latihan ini. Di sini aku mula diberi pendedahan dan mempelajari cara hidup sebagai seorang yang cacat penglihatan. Daripada mempelajari membaca dan menulis braille sehinggalah pelbagai keperluan hidup yang lain.

Pengalaman mempelajari tulisan dan membaca braille amat mencabar bagi diriku. Jika dahulu aku membaca semua tulisan dengan menggunakan pancaindera mata dan ia amat mudah dan senang sekali, tetapi kini tulisan braille ini aku terpaksa membacanya dengan menggunakan sentuhan hujung jari-jemariku. Amat sukar sekali aku rasakan.

Satu huruf ke satu huruf braille aku mula diperkenalkan. Walaupun sukar, susah dan mencabar untuk mempelajari dan mengingatkan titik-titik tulisan braille tersebut, aku terus gagahi dan cuba menenangkan tekanan perasaan yang sedang aku hadapi dan pendam sahaja di dalam hati ini. Hanya Allah SWT sahaja yang mengerti tekanan perasaan yang sedang aku alami pada waktu itu.

Sudahlah begitu, hujung jari telunjuk kananku ini ku rasakan seperti sudah tidak punya deria rasa lagi. Puas sudah ku mencuba untuk menyentuh titik-titik tulisan braille menggunakannya, namun aku gagal untuk merasainya. Lalu aku cuba menggunakan hujung jari telunjuk tangan kiriku. Alhamdulillah, aku dapat



merasainya. Aku hanya dapat membaca tulisan braille dengan menggunakan hujung jari telunjuk kiriku ini sahaja.

Setelah hampir enam bulan aku menjalani kursus dan mempelajari segala perkara yang berkaitan dengan hidup sebagai seorang buta di M.A.B. Apa yang dapat ku ucapkan kepada semua jurulatih di M.A.B hanyalah jutaan terima kasih yang tidak terhingga. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas segala jasa dan budi baik tuan-tuan. Semoga Allah merahmati hidup tuan-tuan di dunia dan di akhirat nanti.

Bersambung...





Borang Sumbangan

Majalah Cahaya mengalu-alukan sumbangan daripada pembaca. Ganjaran berpatutan. Sila yang mana berkenaan.

- | | | | |
|--------------------------|---------------|--------------------------|-------------|
| <input type="checkbox"/> | FOKUS | <input type="checkbox"/> | NILAI MURNI |
| <input type="checkbox"/> | SEMASA | <input type="checkbox"/> | CERPEN |
| <input type="checkbox"/> | RENCANA | <input type="checkbox"/> | SIRAH |
| <input type="checkbox"/> | KERJAYA | <input type="checkbox"/> | SAJAK |
| <input type="checkbox"/> | TOKOH | <input type="checkbox"/> | LAIN-LAIN |
| <input type="checkbox"/> | CAHAYA IT | <input type="checkbox"/> | NYATAKAN |
| <input type="checkbox"/> | MOTIVASI DIRI | <input type="checkbox"/> | |


Nama:	
Nama Samaran (Jika Ada):	
Poskod	Negeri:
No. K/P:	No. Tel:
Tahap Pendidikan:	
No. Akaun:	
Bank:	
Cawangan:	
Tarikh:	

Perhatian : Borang ini boleh difotostat.
 Alamatkan sumbangan anda kepada:
 Pengarang Majalah Cahaya
 Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
 Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya ,
 No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
 Presint 3, 62100 Putrajaya.
 Tel : 03-8870 7661
 Faks : 03- 8870 7666

Adakah Anda Seorang Penulis?

Mungkin dari sini anda akan menjadi penulis terkenal.

- Atau ingin cuba menulis.
- Atau berhasrat memberi sumbangan dalam Majalah Cahaya.
- Anda boleh menulis dari sekarang
- Hantar sumbangan anda segera!!
- Bayaran akan dibuat setelah artikel anda terpilih dan disiarkan.



JAMI' AT-TIRMIZI

Jilid 1

Kitab Jami' at-Tirmizi karangan Imam at-Tirmizi merupakan kitab hadith yang menempati kedudukan keempat berbanding al-Kutub as-Sittah yang lain iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Jami' at-Tirmizi, Sunan an-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah. Antara keistimewaan kitab ini ialah kandungan hadith-hadithnya yang meliputi pelbagai topik dan bidang bukan sahaja terhadap kepada hadith-hadith hukum sahaja. Ia turut memuatkan maklumat perselisihan ulama' mengenai amalan ibadat berdasarkan hadith sama ada daripada sahabat, tabi'in, atba' at-tabi'in dan ulama' mujahidin, pandangan ulama' terhadap perawi dari sudut al-Jarh wa at-Ta'dil dan yang paling penting sekali ialah darjat hadith oleh Imam at-Tirmizi pada sebahagian besar hadithnya. Melalui kitab ini juga, pembaca didedahkan dengan pendapat Imam asy-Syafi'i mengenai sesuatu amalan ibadat berdasarkan hadith yang dibincangkan. Justeru, ia boleh dijadikan sumber rujukan bagi mengenal pasti pendapat-pendapat Imam asy-Syafi'i dalam sesuatu ibadat.

INFO BUKU

ISBN: 978-983-042-563-4
Cetakan Pertama : 2015
Bil. Halaman : 510
Harga : RM83.00

HUBUNGI KAMI DAN DAPATKAN NASKAH DI:

Unit Edaran dan Promosi, Bahagian Penerbitan Jakim,
Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya.
Tel: 03-8870 7661/7446 Emel: promosi.islam@Tgovuc.gov.my

Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
Lot 4, masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
No. 25, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 W.P Putrajaya.
Tel: 03-8890 3669 Emel: kedaibuku@islam.gov.my